

05 MAR 1998

PM: MALAYSIA DI ATAS LANDASAN YANG BETUL UNTUK PEMULIHAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia nampaknya berada di atas landasan yang betul bagi pemulihan ekonomi.

Katanya nilai ringgit telah meningkat "sedikit" berbanding matawang-matawang utama manakala harga saham tempatan turut meningkat sejak pasaran-pasaran matawang dan saham serantau dilanda serangan spekulatif pada awal Julai tahun lalu.

Ringgit, yang pada satu ketika telah jatuh sebanyak 50 peratus daripada paras 2.5 berbanding dolar Amerika, kini sedang berlegar pada paras 3.8 hingga 3.6 berbanding dolar.

Di sebaliknya, Bursa Saham Kuala Lumpur, yang tanda arasnya Indeks Komposit jatuh di bawah 500 mata pada Januari, kini berada di atas 700 mata.

Bercakap pada persidangan akhbar selepas merasmikan Persidangan Kayu Kayan Antarabangsa di sini, Dr Mahathir berkata pelaburan di dalam sektor-sektor produktif juga telah meningkat manakala "eksport keluaran-keluaran dan komoditi tertentu, seperti kayu, pakaian dan minyak sawit, telah meningkat dan memperolehi lebih banyak daripada segi tukaran wang asing."

Mengulas mengenai dividen 6.7 peratus yang diisytiharkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi 1997 (turun dari 7.7 peratus pada 1996), Dr Mahathir berkata dividen yang berkurangan itu adalah disebabkan tekanan spekulatif asing ke atas pasaran matawang dan saham serantau.

Pelaburan di dalam ekuiti merupakan 19 peratus daripada aset KWSP pada 1997. Pendapatannya daripada aktiviti ini tahun lalu jatuh kepada RM994.27 juta dari RM1,188.77 juta pada 1996.

Sumber-sumber pendapatan lain bagi KWSP pada 1997 adalah Sekuriti Kerajaan Malaysia, pinjaman dan bon, instrumen pasaran wang dan harta.

Ditanya sama ada KWSP akan beralih daripada pelaburan ekuitinya, Dr Mahathir berkata tabung itu mempunyai kebebasan untuk melabur di dalam apa jua bidang yang dipilihnya. -- BERNAMA

AD OS